

Menghadapi kemungkinan di luar dugaan mogok umum kakitangan kerajaan

TENTERA, POLIS

DIARAH SIAP SEDIA

KUALA LUMPUR 11 Okt. —
Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan pasukan polis dan angkatan tentera bersiap sedia menjaga keselamatan dan keamanan negara supaya tidak ada "kemungkinan di luar dugaan" sekiranya berlaku mogok oleh kakitangan kerajaan 15 Januari depan. UM 12 OCT 1985

Arahan ini dikeluarkan oleh Perdana Menteri dalam mesyuarat khas yang dipengeruskannya hari ini bagi membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menghadapi kemungkinan mogok oleh CUEPACS dan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK).

Atas sifatnya sebagai jurucakap kabinets, Menteri Penerangan Datuk Rais Yatim memberitahu para pemberita:

"Polis dan tentera diberi arahan supaya bersiap sedia untuk membantu masyarakat dan jabatan-jabatan yang berada dalam kesusahan sekiranya tindakan perusahaan itu dijalankan."

Beliau bagaimanapun tidak dapat menyatakan jumlah

kerajaan tidak mengadakan sebarang langkah untuk memastikan khidmat kepada rakyat tetap berjalan sungguhpun berlaku mogok.

"Langkah ini bukan bermakna satu konfrontasi di antara kerajaan dan CUEPACS tetapi membayangkan ketegasan kerajaan untuk menjalankan segala ikhtiar agar segala khidmat terus diberikan," katanya. Mesyuarat itu telah mengenalpasti 13 perkhidmatan perlu dan mengkaji kemampuan kementerian dan jabatan jika CUEPACS mengambil tindakan

(17,523) anggota kesatuan tindakan perusahaan tidak akan melumpuhkan jabatan. Serius atau tidak bergantung kepada bilangan yang mogok. Telekom pula, oleh kerana RTM bergantung kepadanya, tindakan telah dan sedang, diambil jika berlaku mogok di kalangan 4,800 pekerjanya yang mana 1,300 adalah anggota kesatuan. Datuk Rais berkata, pihaknya mampu mengadakan siaran menerusi saluran Satu RTM, pada hari Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam, siaran mungkin terhad.

pasukan keselamatan yang akan dikerah bagi tujuan itu. Serentak dengan itu, kerajaan memberi jaminan, semua perkhidmatan yang menjadi keperluan asas rakyat tidak akan terjejas jika kakitangannya melancarkan mogok kerana langkah - langkah persediaan yang telah dan sedang diambil.

Dalam mesyuarat khas hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri telah memberikan garis panduan tentang langkah - langkah penggantian yang perlu disediakan menjelang 15 Januari — tarikh mogok itu dirancangan.

Mesyuarat tiga jam itu dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, Menteri Penerangan, Datuk Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Khalil Yaakub, Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Sabbaruddin Chik yang mewakili Menteri Kewangan yang kini berada di luar negeri. Turut hadir ialah Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman, semua ketua setiasuaha dan pegawai - pegawai tentera dan polis.

Datuk Rais berkata, mesyuarat itu tidak membincangkan tentang tuntutan CUEPACS untuk kenaikan gaji 750,000 kakitangan kerajaan tetapi khusus untuk berstap sedia dari segi kerajaan.

“Kerajaan yakin dan mampu menjalankan semua perkhidmatan asas sungguhpun berlaku kemungkinan mogok seperti yang dicadangkan. Langkah bersiap sedia ini dijalankan untuk memastikan perkhidmatan kepada rakyat tetap berjalan supaya tidak berlaku tohmahan,

perusahaan.

Perkhidmatan - perkhidmatan perlu itu ialah bank, elektrik, bomba, pelabuhan termasuk lapangan terbang dan punggah - memunggah, perkhidmatan pos, pengeluaran dari segi bahan api dan pelincir, kesihatan awam, perhubungan radio dan televisyen, telegraph, telefon dan telekomunikasi, pengangkutan udara, laut dan darat, perkhidmatan oleh bahagian - bahagian kimia, penerbangan awam, kastam, imigresen, kaji cuaca dan percetakan.

Datuk Rais menjelaskan mesyuarat telah mengenalpasti bidang - bidang utama dalam perkhidmatan perlu untuk diambil alih urusan dan pelaksanaannya jika tindakan perusahaan dilakukan oleh kakitangan selain dari CUEPACS.

Butir - butir asas keperluan yang telah disenaraikan dalam mesyuarat itu ialah Lembaga Letrik Negara (LLN) terdapat 25,000 kakitangan dan daripada jumlah itu ahli kesatuan seramai 14,000.

Kesihatan, 84,000 orang kakitangan dan anggota kesatuan 23,000 atau 30 peratus.

Menurut laporan yang diterima, jabatan itu berkemampuan meneruskan perkhidmatan rawatan yang penting termasuk pembedahan dan lain - lain kecemasan. Bagaimanapun, semua jabatan rawatan dan klinik akan ditutup dan hanya pesakit yang tenat boleh dimasukkan dalam wad. Cuma 10 peratus katil hospital dapat digunakan.

Bagi Telekom, terdapat 26,919 orang kakitangan

Tetapi studio empat televisyen boleh mengendalikan siaran.

Kementerian Wilayah Persekutuan, 15,484 orang dan daripada jumlah itu 5,835 anggota kesatuan.

Bomba 4,923 orang dan anggota kesatuan 2,600 orang, 30 peratus tidak menjadi ahli kesatuan.

Kastam — 70 peratus adalah anggota kesatuan dan kemungkinan yang terpaksa diambil kira ialah memastikan tidak terjejas kutipan cukai, barangan komoditi dan import.

Jabatan Pos — 11,209 orang kakitangan dan 7,182 daripadanya terdiri daripada anggota kesatuan.

Keretapi Tanah Melayu — 5,705 anggota kesatuan tetapi jumlah kakitangan tidak dapat dipastikan.

Lembaga Pelabuhan Kelang — 6,900 orang dan 5,400 daripadanya anggota kesatuan.

Imigresen — 1,524 orang (anggota kesatuan 445 orang).

Datuk Rais berkata jika berlaku mogok, tidak timbul kesulitan besar oleh kerana mereka berkhidmat dalam bidang yang tidak melibatkan kawalan keluar masuk.

Lembaga Padi dan Beras Negara — 620 kesatuan sekerja tetapi mereka tidak aktif dalam kerja - kerja kesatuan.

Jabatan Laut — 1,032 orang kakitangan tetapi tidak menjadi anggota kesatuan.

Jabatan Penerbangan Awam — 2,342 orang yang mana 60 peratus adalah anggota kesatuan di Sabah terdapat 809 orang kakitangan Jabatan Penerbangan Awam manakala di Sarawak 709 orang kakitangan tetapi di kedua - dua negeri itu tidak seorangpun menjadi anggota kesatuan.